



Lonjakan satu PPPM (PT) beri impak kepada USIM

Keberkesanan terhadap pelajar

PELAN Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pengajian Tinggi) atau PPPM (PT) 2015-2025 yang telah dilancarkan pada 7 April lalu oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak merupakan satu kejayaan sistem pendidikan negara.

Menurut Naib Canselor Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Prof. Datuk Dr. Musa Ahmad (**gambar**), keberkesanan yang dilihat dalam pelaksanaan PPPM (PT) dapat memberi ruang kepada pelajar antarabangsa untuk lebih mengenali universiti di Malaysia dan sistem pembelajaran yang diamalkan di sini.

PPPM (P) mengandungi 10 lonjakan dengan lonjakan satu adalah memfokus kepada melahirkan graduan holistik, berciri keusahawanan dan seimbang.

Ini ternyata telah memberi kesan secara tidak langsung kepada para pelajar dan pihak universiti dalam melahirkan graduan yang memiliki kesemua aspek bertepatan dengan ciri-ciri yang dikehendaki.

"Seperti sedia maklum, lonjakan satu PPPM (PT) adalah sangat penting kerana pendidikan merupakan satu aspek yang sinonim dalam kehidupan kita pada hari ini untuk melahirkan seorang individu yang berjaya.

"Ini kerana ramai yang kurang sedar bahawa setiap ilmu yang dituntut bukan hanya untuk berjaya buat masa ini, malah juga untuk membangunkan modal insan yang seimbang dalam segala aspek pada setiap ruang masa," katanya ketika ditemui *Kosmo!* baru-baru ini.

Di USIM, penglibatan pelajar dalam bidang akademik dan kokurikulum juga memainkan peranan penting dalam menerapkan segala aspek terutama ciri-ciri keusahawanan dalam diri setiap individu.

"Sistem pendidikan di USIM lebih memberi keutamaan kepada kegiatan kokurikulum. Sejak tahun 2011, kami telah

mengeluarkan satu transkrip kepada pelajar-pelajar yang berkaitan dengan kegiatan kokurikulum, yang mana sebahagiannya adalah tentang penglibatan pelajar dalam bidang seni."

"Ini bererti apabila telah menghabiskan pelajaran di Malaysia, mereka bukan sahaja memperoleh sijil dalam bidang akademik, malah juga kokurikulum supaya ia seimbang," ujarnya.

Impak PPPM (PT) juga akan lebih membantu untuk membuka persepsi pelajar bukan hanya perlu menumpukan kepada akademik, malah setiap gred atau Purata Nilai Gred Kumulatif (CGPA) yang mereka peroleh, bukan dari segi akademik semata-mata tetapi juga daripada aktiviti kemasyarakatan.

"Penekanan dan penglibatan para pelajar dalam aktiviti kemasyarakatan perlu dalam merealisasikan hubungan antarabangsa dalam

kalangan para pelajar.

Justeru, USIM telah memperkenalkan program Global Citizen sejak 2011, yang mana mahasiswa perlu melibatkan diri walaupun hanya sekali.

"Ia merupakan satu program yang memberi pendedahan kepada pelajar untuk terlibat dalam aktiviti kemasyarakatan seperti membantu masyarakat di luar sana yang memerlukannya, selain memberi kesedaran kepada mereka bagi memahami keadaan yang sukar dan mencabar dialami masyarakat di negara-negara luar," jelasnya.

Pendekatan dan pendedahan ini diberikan kepada pelajar agar mereka prihatin bahawa setiap perkara yang dilakukan adalah untuk berbakti atau membantu masyarakat di luar sana.

"Program sebegini sedikit sebanyak dapat memberi refleksi kepada pelajar, merangkumi segala aspek, supaya lebih peka dan sedar bahawa manfaat yang diperolehi dapat digunakan untuk membantu antara satu sama

lain dalam kalangan mereka sendiri.

"Contoh yang amat membanggakan USIM apabila pelajar bidang seni bina Faku-ti Sains dan Teknologi (FST) telah mereka bentuk model rumah kepada mangsa banjir di Malaysia untuk Projek Shelter Tesco Store (Malaysia) Sdn. Bhd.," tambahnya.

Kesan kepada warga akademik juga memainkan peranan penting kerana mereka adalah antara penyumbang atau pemberi input yang banyak kepada pelajar.

"Bukan khusus kepada pelajar sahaja yang perlu bersikap holistik, warga akademik juga perlu bersikap demikian demi meningkatkan lagi mutu pendidikan yang telus.

"USIM berhasrat agar dapat meneruskan serta menyahut saranan kerajaan untuk mempraktikkan PPPM (PT) agar dapat melahirkan lebih ramai bakal graduan yang berdaya saing dalam segala hal serta visi dan misi USIM untuk menerajui ilmu naqli dan aqli," ujarnya.

